

ANALISIS AMALAN PELAPORAN DAN PENDEDAHAN MAKLUMAT WAKAF DI MALAYSIA

Mohd Firdaus Badrul Hisham^a & Mohd Rizal Muwazir^{b*}

^{a,b}*Jabatan Syariah dan Pengurusan, Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya*

A PEER-REVIEWED ARTICLE

(RECEIVED – JULY 29, 2021; REVISED – AUGUST 5, 2021; ACCEPTED – AUGUST 16, 2021)

ABSTRACT

Disclosure of information related to waqf in the annual financial report is crucial to increase the level of public confidence in a waqf institution in managing waqf funds. A waqf institution is responsible for managing the waqf fund and must provide sufficient information related to waqf fund itself. Fraudulent financial statement information in a report is reported to be the largest contributor to losses in a non-profit organization such as a waqf institution. Therefore, disclosure of waqf reporting is very important to prevent fraud and breach of trust in handling waqf property as well as to increase the high level of trust by the Muslim community and stakeholders. This study was conducted to improve elements in the waqf reporting model and analyze the practice of disclosure of waqf reporting information to be exposed clearly and in detail to stakeholders. In order to respond to the public interest, there is a need to examine and analyze the practice of waqf reporting and disclosure in Malaysia.

ABSTRAK

Pendedahan maklumat berkaitan wakaf dalam laporan kewangan tahunan adalah sangat penting untuk meningkatkan tahap keyakinan masyarakat terhadap sesebuah institusi wakaf dalam menguruskan dana wakaf. Sesebuah institusi wakaf bertanggungjawab terhadap pengurusan dana wakaf dan perlu menyatakan dengan cukup maklumat berkaitan dana wakaf itu sendiri. Penipuan maklumat penyata kewangan dalam sesebuah pelaporan dilaporkan sebagai penyumbang kerugian terbesar di sesebuah organisasi bukan berasaskan keuntungan seperti institusi wakaf. Justeru itu, pendedahan pelaporan wakaf sangat penting untuk mengelakkan terjadinya penipuan dan pecah amanah dalam mengendalikan harta wakaf di samping dapat meningkatkan kepercayaan yang tinggi oleh masyarakat Islam dan pemegang taruh. Kajian ini dilaksanakan untuk menambahbaik elemen-elemen model pelaporan wakaf dan menganalisis amalan pendedahan maklumat pelaporan wakaf untuk didedahkan secara jelas dan terperinci kepada pemegang taruh. Untuk memenuhi kepentingan masyarakat, terdapat keperluan untuk memeriksa dan menganalisis amalan pelaporan dan pendedahan wakaf yang ada di Malaysia.

Kata kunci: Wakaf, Pelaporan Wakaf, Institusi Wakaf, Pendedahan Maklumat Wakaf

* Corresponding author: Mohd Rizal Muwazir PhD, Pensyarah Kanan, Jabatan Syariah dan Pengurusan, Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya, 50603, Kuala Lumpur, Malaysia. E-mail: mrmkl@um.edu.my

1. Pengenalan

Pada masa kini, wakaf menjadi kaedah derma sukarela yang terkenal di Malaysia. Wakaf dikenali sebagai anugerah agama telah memainkan peranan penting sepanjang sejarah Islam terhadap status sosial dan ekonomi masyarakat Islam. Perspektif yang lebih luas telah diterima oleh Imtiaz Ahmad Khan (1988) yang berpendapat bahawa seorang Muslim yang baik harus memberikan apa-apa yang baik, berguna dan berharga untuk mencapai keredhaan Allah SWT.

Selain itu, dalam setiap ibadah yang diperintahkan oleh Allah adalah untuk meningkatkan dua hubungan istimewa secara sama, iaitu hubungan vertikal (*vertical relationship*) dan hubungan horizontal (*horizontal relationship*). Hubungan vertikal adalah hubungan manusia dengan Allah (*hablumminallah*), sedangkan hubungan horizontal adalah hubungan dengan sesama makhluk Allah iaitu (*hablumminannas*). Contoh *hablumminallah* adalah umat Islam terutamanya dapat melakukan ibadah (penyerahan) demi memperoleh rahmat Allah melalui kekayaan yang akan membersihkan hati dengan membuat amal seperti bersedekah, hibah, infaq dan wakaf. Manakala *hablumminannas* pula adalah melalui kekayaan juga dapat membantu mengurangkan jurang antara orang yang beruntung (kaya) dan orang yang kurang bernasib baik (miskin) dan ini akan merasakan kepuasan kerana dapat memberikan sumbangan dalam membantu orang yang memerlukan untuk memperbaiki kehidupan mereka (Hazriah Hasan & Ismail Ahmad, 2018). Selain itu, menurut Muhammad Iqmal Hisham Kamaruddin (2018), wakaf juga dikenali sebagai kaedah lain selain kewajipan umat Islam terhadap zakat untuk mengurangkan jurang antara tahap kekayaan dan miskin dalam masyarakat. Dalam menangani masalah pengurusan kekayaan, pemilik kekayaan yang sebenarnya adalah Allah dan manusia hanya pemegang amanah.

Di samping itu, umat Islam yang ingin melaksanakan wakaf iaitu sesuatu amalan yang dianggap sebagai amal yang disumbangkan secara sukarela di mana ia merupakan sesuatu amalan mulia yang berada di bawah syarat umum sedekah dan infaq. Terdapat banyak ayat Al-Quran dan Hadis Nabi Muhammad SAW telah menyokong tindakan tersebut. Beberapa wahyu terdapat dalam Surah Al-Imran di mana Allah S.W.T berfirman:

لَنْ تَتَّالُوا الْبِرَّ حَتَّى تُنْفِقُوا مِمَّا تُحِبُّونَ وَمَا تُنْفِقُوا مِنْ شَيْءٍ فَإِنَّ اللَّهَ بِهِ عَلِيمٌ

“Kamu tidak akan memperoleh kebajikan, sebelum kamu menginfakkan sebahagian harta yang kamu cintai. Dan apa pun yang kamu infakkan, tentang hal itu sungguh, Allah Maha Mengetahui.”

(Al-Imran: 92)

Tambahan pula, amalan wakaf merupakan amalan sunat yang apabila dilakukan dengan penuh keikhlasan dan sempurna dapat memberikan ganjaran pahala yang sangat besar kepada pewakaf sekali gus membantu kebajikan umat Islam. Ibadah wakaf ini mampu membuatkan seseorang ingin terus beribadah apabila difahami dan dihayati secara mendalam kerana ganjaran serta pahala yang amat besar seperti yang terdapat di dalam al-Quran surah Al-Baqarah ayat 261:

مَثَلُ الَّذِينَ يُنْفِقُونَ أَمْوَالَهُمْ فِي سَبِيلِ اللَّهِ كَمَثَلِ حَبَّةٍ أَنْبَتَتْ سَبْعَ سَنَابِلٍ فِي كُلِّ سَنَابِلَةٍ مِائَةٌ حَبَّةٌ وَاللَّهُ يُضَاعِفُ لِمَنْ يَشَاءُ وَاللَّهُ وَسِعٌ عَلِيمٌ

“Perumpamaan orang yang menginfakkan hartanya di jalan Allah seperti sebutir biji yang menumbuhkan tujuh tangkai, pada setiap tangkai ada seratus biji. Allah melipatgandakan bagi siapa yang Dia kehendaki, dan Allah Maha Luas, Maha Mengetahui.”

(Al-Baqarah: 261)

Wakaf bukan sahaja menjadi amalan ibadah kepada Allah SWT semata-mata, akan tetapi ia juga dianggap sebagai institusi ekonomi yang memberi manfaat kepada umat Islam secara keseluruhan. Ia berperanan aktif dalam memastikan keperluan umat Islam dipelihara dari segi sosial dan ekonomi. Menurut Muhammad Iqmal Hisham Kamaruddin (2018), sifat wakaf tidak dapat dipisahkan dalam ciri asasnya iaitu kekal dan tidak boleh dipindah milik. Oleh itu adalah sangat penting di mana pengurusan wakaf dalam pembangunan ummah untuk merapatkan jarak sosial dan menjatuhkan ketidaksamaan pendapatan dalam ekonomi (Mohd Noor et al., 2014). Selain itu, amalan pelaporan dan pendedahan wakaf adalah komponen yang sangat penting untuk pengembangan amalan wakaf dan memberikan kepercayaan masyarakat terhadap sesebuah institusi wakaf di samping menjadi platform untuk penyertaan yang lebih besar dalam kalangan masyarakat.

2. Definisi wakaf

Wakaf berasal daripada perkataan bahasa Arab (وقف) iaitu kata terbitan (مصدر) yang berasal daripada kata kerja ‘*waqafa*’. Wakaf mempunyai pelbagai maksud mengikut konteks sesebuah ayat. Dari sudut bahasa, wakaf bermaksud berhenti (السكن), menegah (المنع), menahan (الحبس). Ulama fiqh bersepakat mentakrifkan wakaf sebagai *al-habs* (الحبس) yang bermaksud menahan kerana *al-habs* lebih hampir kepada pengertian syarak. Perkataan *al-habs* juga banyak kali diucapkan oleh Rasulullah dalam beberapa buah hadis antaranya:

حَبْسِ الْأَصْلِ وَسَبْلِ النَّمْرِ

“Wakafkanlah tanah itu dan berilah hasil buahnya sebagai sedekah”

Manakala pengertian wakaf menurut istilah bermaksud menahan sesuatu harta seseorang untuk dimanfaatkan oleh orang lain. Harta yang diwakafkan hendaklah berada dalam keadaan yang baik, kekal dan tujuan ia melakukan wakaf adalah untuk mendekati diri kepada Allah SWT dan memberi kebajikan kepada orang lain. Pemberian wakaf bermula dengan niat suci seseorang untuk melakukan perbuatan baik untuk memberi manfaat kepada orang lain. Dengan kata lain, wakaf adalah dedikasi yang dibuat oleh seseorang untuk kepentingan orang lain dengan niat agar pewakaf mendapat ganjaran berterusan daripada Allah SWT. Setelah wakaf diisytiharkan oleh pewakaf, ia akan menyebabkan pemindahan harta yang menjadi pengabdian diri seseorang kepada Allah SWT. Bagaimanapun manfaat sesebuah wakaf yang dilaksanakan akan diberi ganjaran oleh Allah SWT bergantung kepada niat seseorang pewakaf.

Di samping itu, makna wakaf telah didefinisikan sama oleh mazhab-mazhab fiqh yang berbeza. Empat mazhab tersebut adalah mazhab Hanafi, Maliki, Syafi’i dan Hanbali. Namun, tafsiran mereka mengenai hakikat wakaf mungkin sedikit berbeza. Menurut Nasir (1990) definisi klasik wakaf dalam undang-undang Islam diberikan oleh Imam Abu Hanifah iaitu “peruntukan sesuatu perkara sedemikian rupa sehingga hak pengasas di dalamnya akan terus berlanjutan dan kelebihanannya membawa kepada tujuan amal”. Demikian pula, mazhab Syafi’i berpendapat bahawa wakaf merujuk kepada “mengikat hakikat harta benda dan mengabdikan barang-barangnya untuk kepentingan umat manusia, dengan cara bahawa kepemilikannya adalah milik Allah” (Siti Mashitoh Mahamood, 2006). Manakala mazhab Maliki mendefinisikan wakaf sebagai “pemberian hak penggunaan sesuatu yang mengikat penderma selama keberadaannya; pemilikan tetap secara teori dengan penderma, walaupun dia tidak lagi berhak menggunakan hak milik tersebut” (Powers, 1993).

Di samping definisi ulama klasik, beberapa penyelidik dan organisasi memberikan definisi mereka sendiri. Gaudiosi (1988) menyatakan bahawa wakaf adalah “penahanan hak daripada pemilikan mana-mana individu dan pemberian pendapatan atau perolehannya, baik sekarang atau di masa depan adalah

untuk tujuan amal”. Di samping itu, beliau menyatakan bahawa, sementara “pemilikan harta wakaf dengan itu diserahkan oleh pengasasnya, ia tidak diperoleh oleh orang lain; sebaliknya ditegah atau ditahan”. McChesney (2014) juga menyatakan bahawa wakaf adalah “sukarela melepaskan hak pelupusan sesuatu oleh pemiliknya dan pengabdian penggunaan barang itu untuk tujuan amal, sebagai hadiah amal”. Di Singapura, dalam Undang-Undang Pentadbiran Hukum Muslim ‘*Administration of Muslim Law Act*’ (AMLA), wakaf didefinisikan sebagai “pengabdian tetap oleh seorang Muslim terhadap harta alih atau harta tak alih untuk sebarang tujuan yang diakui oleh Undang-Undang Islam sebagai orang yang soleh, beragama atau beramal”.

Secara kesimpulannya, berdasarkan kepelbagaian definisi wakaf yang dihuraikan di atas dapat disimpulkan bahawa dua elemen yang perlu ada dalam wakaf adalah pengekalan bentuk asal aset wakaf dan penyebaran manfaatnya kepada penerima manfaat wakaf. Menurut konteks kewangan semasa pula, definisi wakaf yang lebih komprehensif dinyatakan oleh Majlis Penasihat Syariah, *Accounting and Auditing Organization for Islamic Financial Institutions* (AAOIFI) mendefinisikan wakaf sebagai “menjadikan sesuatu harta bebas daripada apa-apa pelupusan yang boleh membawa kepada pemindahan pemilikan dan memberikan manfaat harta wakaf tersebut kepada penerima manfaat wakaf”.

3. Perkembangan wakaf di Malaysia

Perkembangan dan aktiviti wakaf pada masa kini kelihatan semakin menggalakkan. Semua perkara yang berkaitan dengan aset wakaf terletak di bawah Majlis Agama Islam Negeri (MAIN), mengikut Jadual Kesembilan (Senarai Negeri) Perlembagaan Persekutuan Malaysia (Ahmad Ibrahim, 1997). Sebagai pemegang amanah tunggal harta wakaf, MAIN diberi kuasa oleh undang-undang untuk melantik mana-mana individu atau jawatankuasa yang bertindak sebagai wakilnya dan juga menggunakan aset wakaf untuk menjana pendapatan melalui hasil dan penyewaan. Berbeza dengan pengalaman masa lalu, pemegang amanah tidak hanya mengembangkan wakaf untuk mendirikan tempat-tempat keagamaan tetapi juga membina lot kedai dan harta tanah komersial di tanah wakaf. Untuk mengatasi masalah mendapatkan dana yang mencukupi untuk projek pembangunan wakaf, pelbagai mekanisme pembiayaan telah digunakan oleh pengurus wakaf termasuk *hukr*¹, *ijaratain*², *istibdal*³ dan *sukuk musyarakah*⁴ (Mohammad Tahir Sabit Hj Mohammad et al., 2005). Pelaksanaan wakaf tunai di Malaysia direalisasikan berdasarkan keputusan mesyuarat Majlis Fatwa Kebangsaan pada tahun 2007 yang bertujuan mengumpulkan dana dan hasil yang disalurkan untuk membiayai aktiviti-aktiviti wakaf. Pelbagai jenis konsep wakaf tunai seperti model saham wakaf, model wakaf takaful dan model wakaf tunai korporat telah dikembangkan di Malaysia (Magda Abdel Mohsin, 2008).

Selain itu, perundangan di Malaysia dijalankan oleh Parlimen di peringkat persekutuan dan juga oleh pelbagai Dewan Undangan Negeri. Terdapat tiga belas negeri di Malaysia termasuk Kedah, Perak, Perlis dan Pulau Pinang di bahagian Utara; Terengganu dan Kelantan di bahagian Timurnya; negeri Sembilan, Pahang, Selangor dan Melaka di bahagian Barat; dan Johor di bahagian selatannya. Sabah dan Sarawak terletak di bahagian Timur Malaysia. Wilayah Persekutuan mempunyai tiga wilayah: Kuala Lumpur, Putrajaya dan Labuan. Undang-undang negeri mematuhi pihak berkuasa negeri, sementara Wilayah Persekutuan mengikut kuasa Persekutuan. Undang-undang yang digubal oleh kedua-dua badan itu harus ada kesesuaian dengan had yang dibenarkan oleh Perlembagaan Persekutuan dan Negeri. Paling penting,

¹ Pajak atau pajakan jangka panjang yang diberikan kepada penyewa. Sebagai balasan, penyewa perlu menjaga harta benda, membina di atasnya atau mengusahakannya. Segala struktur yang dibina di atas tanah dengan kebenaran pemegang amanah adalah milik pemajak.

² Sewaan atau pajakan dengan dua jenis pembayaran sewa.

³ Menukar aset dengan nilai yang setara atau lebih tinggi.

⁴ Merupakan sijil pelaburan perkongsian.

Persekutuan Perlembagaan adalah undang-undang tertinggi Persekutuan (Siti Mashitoh Mahamood, 2011).

Perlembagaan Persekutuan Malaysia dengan jelas menyatakan bahawa Raja adalah kuasa tertinggi dalam Islam untuk Negeri. Setiap negeri diperintah oleh seorang Raja atau Sultan. Di negeri-negeri di dalam Persekutuan yang kekurangan kehadiran mana-mana pihak berkuasa seperti Sabah, Sarawak, Melaka dan Pulau Pinang, yang tertinggi kewibawaan dalam isu-isu Islam adalah Yang di Pertuan Negara (Wu, 1991). Isu-isu Islam ini berputar mengenai perkara yang berbeza seperti zakat, baitulmal, wakaf dan banyak lagi. Sultan mempunyai kuasa yang tertinggi dan kuasa Majlis Agama Islam Negeri (MAIN) untuk mengawal dan mentadbir hal-hal keagamaan Islam (Sohaimi Mohd Salleh & Syarqawi Muhammad, 2008). Di samping itu, pentadbiran hal-hal perundangan Islam di Malaysia ditegakkan oleh Perlembagaan Persekutuan. Oleh itu, undang-undang sivil yang digubal di peringkat negeri tidak boleh bertentangan dengan Perlembagaan Persekutuan (Perlembagaan Persekutuan, Perkara 75).

Di Malaysia fungsi pemerintah penting dalam pengurusan wakaf. Contohnya, semua tanah wakaf di Malaysia dikawal dan diuruskan oleh pihak berkuasa Negeri. Kerajaan persekutuan Malaysia tidak memiliki tanah. Ini telah menambahkan cabaran yang berbeza bagi pemerintah untuk mengawal dan mengurus sumber wakaf di dalam negara. Bekas Perdana Menteri Malaysia Menteri Dato Seri Abdullah Hj Ahmad Badawi telah menganalisis pelbagai peluang asas mengenai wakaf untuk pertumbuhan dan pembangunan negara. Begitu juga, pada tahun 2004, beliau mengumumkan penubuhan Jabatan Wakaf, Zakat dan Haji (JAWHAR) di bawah Jabatan Perdana Menteri untuk membantu dalam pembangunan wakaf di Malaysia untuk mengawal dan menguruskan sumber wakaf yang berbeza di negeri ini (Sohaimi Mohd Salleh & Syarqawi Muhammad, 2008). Matlamat utama jabatan adalah untuk menjaga sistem yang jelas, kemas dan telus sesuai dengan struktur Islam yang dapat memberi manfaat dan peningkatan struktur sosio-ekonomi masyarakat Islam di Malaysia. Selain itu, ia juga bertujuan untuk meningkatkan keberkesanan dan kecekapan penyampaian perkhidmatannya. Sebaliknya, JAWHAR tidak bertujuan mengawal fungsi Majlis Agama Islam Negeri atau jabatan yang lain (Mohd Afandi Mat Rani, 2008).

Bahkan sebelum penubuhan JAWHAR, pemerintah melalui JAKIM (Jabatan Kemajuan Islam Malaysia) di Jabatan Perdana Menteri, telah meletakkan kedudukan Pembangunan Harta Jawatankuasa Penyelaras Wakaf (Jawatankuasa Penyelaras Pembangunan Harta Wakaf) di peringkat nasional untuk membantu MAIN untuk membangunkan harta wakaf (Mohd Afendi Mat Rani & Asmah Abdul Aziz, 2010). Selain JAWHAR, Majlis Agama Islam Negeri mempunyai sekumpulan peranan dan tanggungjawab dalam pelbagai program pengurusan dan kawalan yang berkaitan dengan pengawasan wakaf harta tanah di setiap negeri seperti yang dinyatakan dalam Jadual 9, Senarai 2 dari Senarai Negeri, di mana dinyatakan bahawa tugas mereka meliputi “wakaf dan peraturan amal dan amanah agama, pelantikan pemegang amanah dan penggabungan orang-orang berkenaan agama Islam dan kebajikan dana, institusi, amanah, badan amal dan institusi kebajikan yang beroperasi sepenuhnya di dalam negeri”.

Bagaimanapun tugas mengawal dan mengurus harta tanah telah diserahkan kepada MAIN sebagai satu-satunya pemegang amanah, namun pengurusannya dikendalikan oleh jawatankuasa khas untuk memastikan ketelusan harta wakaf (Mohd Daud Bakar, 1999). Mereka diberi kuasa oleh undang-undang untuk dilaksanakan segala tanggungjawab. Mereka boleh menggunakan tanah tersebut untuk tujuan yang berbeza dari kegunaan agama hingga komersial (Mustafa Mohd Hanefah et al., 2011).

Seperti yang dibahaskan di atas, undang-undang mengenai wakaf disokong oleh undang-undang negara yang berlainan, oleh itu berbeza tafsiran, fatwa atau ketetapan hukum membawa kepada perbezaan status wakaf (Zulkifli Hasan & Muhammad Najib Abdullah, 2008). Undang-undang wakaf juga dipengaruhi oleh konteks kawasan di mana ia dibuat dan keperluannya penduduk di sana (Ahmad Azrin Adnan & Wan Mohd Yusof Wan Chik, 2009). Sebenarnya, peruntukan wakaf di enakmen negeri adalah tidak

merangkumi semua. Ia lebih memfokuskan aspek pentadbiran dan prosedur wakaf yang mudah didermakan. Implikasinya adalah bahawa pentadbiran urusan agama Islam tidak diseragamkan sama ada dalam perundangan, pengurusan dan pelaksanaan antara negeri-negeri di Malaysia. Akibatnya, beberapa negeri bergerak maju dengan memperkenalkan kaedah baru untuk meningkatkan dan memaksimumkan faedah diperolehi daripada menggunakan aset wakaf dan sebilangannya masih menggunakan pendekatan tradisional tanpa membuat penambahbaikan. Pada masa kini, hanya lima negeri yang telah membuat perundangan wakaf mereka sendiri agar berkesan mengurus dan mengawal harta wakaf di negara Malaysia iaitu negeri Selangor (enakmen wakaf 2015), Melaka (enakmen wakaf 2005), Negeri Sembilan (enakmen wakaf 2006), Perak (enakmen wakaf 2015) dan Terengganu (enakmen wakaf 2016). Selebihnya, peruntukan mengenai urusan tadbir wakaf hanya diletakkan di dalam enakmen pentadbiran agama Islam negeri, kecuali Johor melalui Kaedah-Kaedah Wakaf (Johor) 1983. Sebelum ini, Johor telah menetapkan enakmen wakaf, 1973. Undang-undang ini kemudiannya dibuat oleh Enakmen Pentadbiran Undang-Undang Islam, 1978, sebagaimana ketentuan pada tahun 1973 dimasukkan dalam undang-undang peraturan baru ini. Pada masa ini, dengan bermulanya Pentadbiran Agama Islam (Negeri Johor) Enakmen 2003, semua undang-undang pentadbiran mengenai wakaf dan isu-isu Islam yang lain telah termasuk dalam enakmen baru ini (Siti Mashitoh Mahamood, 2011).

Sebilangan besar enakmen negeri tidak menerangkan bagaimana memperuntukkan dan menguruskan aset wakaf. Badan rasmi adalah kuasa utama yang menguruskan harta wakaf dan ia terhad kerana ia diletakkan di bawah Baitulmal, tidak termasuk beberapa negeri seperti Perak, Johor, Selangor, Melaka, Negeri Sembilan dan Terengganu. Dengan kata lain, negeri lain tidak memberikan peruntukan wakaf tertentu. Di Selangor, selepas bermulanya enakmen wakaf, semua sumber wakaf diuruskan oleh panel Jawatankuasa Pengurusan Wakaf. Jawatankuasa Pengurusan Wakaf mengurus, mengawal dan mentadbir aset wakaf juga mengawal dana wakaf sehingga memenuhi kehendak undang-undang Islam (Siti Zalikah Md Nor, 2008).

Di samping itu, masih ada institusi wakaf yang ditubuhkan sebagai amanah bagi negara Muslim seperti Malaysia. Contohnya organisasi seperti Madrasah Ibnu Mas'ud di Johor mempunyai misi meyakinkan orang ramai untuk mengamalkan semua ajaran Islam dengan lebih dekat, terutama dalam bidang pendidikan dan aspek sosial. Pada masa ini, mereka telah berjaya membina madrasah dan asrama untuk warga tua berdasarkan sumbangan orang ramai. Menurut satu pihak berkuasa, mereka merasa lebih bebas dan lebih selesa untuk menguruskan organisasi ini sendiri dan oleh sebab itu mereka mendaftarkannya di bawah akta amanah dan tidak seperti wakaf.

Kesimpulannya dapat dilihat bahawa sesebuah institusi wakaf mempunyai peranan yang sangat penting terhadap status sosial dan ekonomi masyarakat Islam. Oleh itu, usaha-usaha dalam membangunkan aset wakaf perlu dijalankan oleh pelbagai pihak seperti pihak berwajib, pihak kerajaan dan swasta bagi menyokong usaha-usaha tersebut dalam memajukan dan mengembangkan lagi sesebuah institusi wakaf ini bagi meningkatkan kesejahteraan sosio-ekonomi masyarakat Islam di Malaysia.

4. Amalan pelaporan wakaf di Malaysia

Institusi wakaf adalah salah satu institusi kewangan Islam terkemuka yang muncul sejak zaman Nabi Muhammad SAW. Institusi ini memainkan peranan penting kerana pemangkin pertumbuhan ekonomi masyarakat Islam. Tambahan pula, pertumbuhan dan pengembangan institusi wakaf selaras dengan kehendak *maqasid syariah* (Muhammad Iqmal Hisham Kamaruddin, 2018). Menurut Mohamad Akram Laldin et al. (2012), mereka telah membincangkan mengenai *maqasid syariah* dalam konteks wakaf di mana ia berada di bawah perlindungan kekayaan dan umat Islam perlu memelihara, menjaga dan mengurus pembangunan ekonomi dan kewangan selari dengan undang-undang syariah termasuk pengurusan wakaf. Wakaf telah dianggap adalah sebagai salah satu mekanisme penciptaan dan

pengagihan kekayaan yang dikembangkan berdasarkan ajaran dan prinsip Islam (Muhammad Iqmal Hisham Kamaruddin, 2018).

Tambahan pula, wakaf mempunyai prospek yang besar dalam menyelesaikan masalah yang dihadapi masyarakat (ummah) sekarang ini. Menurut Kahf (2003), beliau menyatakan bahawa semua mazhab syariah telah menekankan pentingnya mewujudkan wakaf yang telah memainkan peranan penting di masa depan dengan syarat institusi ini diaktifkan semula dan pengurusannya diletakkan pada landasan yang tepat. Dalam masa yang sama, banyak kajian mendakwa bahawa wakaf adalah unik bahkan sistem pemberian wakaf terbaik yang telah terbukti sejak era kekhalifahan Abbasiyah (754-1258M) hingga kekhalifahan Uthmaniyah (1299-1924M), ia juga berkembang pesat dan berkesan disokong dalam membina banyak sekolah, perpustakaan, universiti, dan kemudian menghasilkan banyak sarjana Muslim (Aminah Mohsin & Mohammad Tahir Sabit Hj Mohammad, 2015; Che Khalilah Mahmood et al., 2017; Kahf, 2007).

Di samping itu, terdapat banyak sarjana Muslim di dunia telah mengkaji pelbagai jenis instrumen wakaf untuk menghidupkan kembali aktiviti wakaf ke dalam lingkungan ekonomi umat Islam. Terdapat dua jenis instrumen wakaf yang diperkenalkan untuk mengembangkan aktiviti wakaf, iaitu wakaf tunai dan wakaf tanah. Wakaf tunai adalah instrumen utama dalam mengumpulkan dana wakaf yang membolehkan orang ramai menderma wang tunai tanpa perlu memiliki aset tetap. Sedangkan wakaf tanah biasanya digunakan untuk pembinaan barang sosial seperti pendidikan dan kesihatan; barang awam (jalan raya, jambatan dan keselamatan negara); menolong orang miskin dan yang memerlukan (rumah anak yatim dan rumah orang tua); perniagaan komersial yang dibina; utiliti (air dan sanitasi); infrastruktur untuk perkhidmatan keagamaan (pembinaan dan penyelenggaraan masjid dan perkuburan); mewujudkan pekerjaan; dan menyokong pertanian dan sektor perindustrian tanpa membebankan kos kepada kerajaan (Norizan Hassan et al., 2018).

Di Malaysia, penubuhan institusi wakaf yang kini dikendalikan dan dipantau oleh negeri melalui MAIN. Setiap negeri diberi kuasa untuk menguruskan kegiatan wakafnya berdasarkan perundangan dan prosedur negeri itu sendiri. Untuk menyelaraskan pentadbiran semua institusi wakaf di negeri ini, kerajaan persekutuan telah menubuhkan Jabatan Wakaf, Zakat dan Haji yang dikenali sebagai JAWHAR pada tahun 2004 (Noorhayati Mansor et al., 2017). Selain itu, jabatan ini tidak hanya memantau keberkesanan dan kecekapan pentadbiran, tetapi dengan objektif untuk meningkatkan pengurusan kekayaan Muslim dalam bentuk pemberian wakaf, zakat, kewangan, dan haji, pengurusan dan pembangunan di setiap negeri di Malaysia.

Dalam melihat amalan pelaporan wakaf, Noorhayati Mansor et al. (2017) menjelaskan bahawa terdapat variasi dalam amalan pelaporan wakaf kerana perbezaan bentuk undang-undang entiti (Rosnia Masruki & Zurina Shafii, 2013). Dalam menyokong hal ini, Nori Yani Abu Talib et al., (2018) mendedahkan bahawa terdapat kekurangan sistem perakaunan dan pengurusan aset wakaf secara sistematik dan tidak adanya prosedur bertulis untuk merekod urus niaga kewangan aset wakaf. Selain itu, kajian sebelumnya mengenai pelaporan wakaf menunjukkan bahawa tidak ada garis panduan khusus dalam menjaga laporan wakaf, dan tidak ada penjelasan mengenai jenis maklumat apa yang harus diberikan oleh institusi wakaf (Hairul Suhaimi Nahar & Hisham Yaacob, 2011; Hidayatul Ihsan, 2007; Hidayatul Ihsan & Muhammad Akhyar Adnan, 2009). Menurut Hairul Suhaimi Nahar & Hisham Yaacob (2011), piawaian perakaunan umum seperti Piawaian Perakaunan Antarabangsa “*International Accounting Standards*” (IAS) dan Piawaian Pelaporan Kewangan Antarabangsa “*International Financial Reporting Standards*” (IFRS), dan juga piawaian pelaporan Islam seperti Piawaian Perakaunan Kewangan “*Financial Accounting Standard*” (FAS) yang dikeluarkan oleh Organisasi Perakaunan dan Pengauditan untuk Institusi Kewangan Islam “*Accounting and Auditing Organization for Islamic Financial Institutions*” (AAOIFI) dan standard pelaporan Islam tempatan seperti Pelaporan Kewangan untuk Institusi Perbankan Islam “*Financial*

Reporting for Islamic Banking Institutions” (FRIBI) yang dikeluarkan oleh Bank Negara Malaysia (BNM) dan “*Technical Release*” (Tri-3) Pembentangan Penyata Kewangan Institusi Kewangan Islam yang dikeluarkan oleh Lembaga Piawaian Perakaunan Malaysia “*Malaysian Accounting Standard Board*” (MASB) tidak sepenuhnya sesuai terutamanya untuk pelaporan wakaf. Oleh itu, kebergantungan hanya pada perakaunan semasa dan piawaian pelaporan untuk pelaporan wakaf terbukti bermasalah kerana ia mendorong untuk mengukur prestasi berdasarkan nombor kewangan yang tidak mencukupi untuk institusi wakaf (Hairul Suhaimi Nahar & Hisham Yaacob, 2011).

Selain itu, tidak dapat dinafikan bahawa pelaporan wakaf masih lemah dalam kalangan institusi wakaf terutamanya di Malaysia. Para sarjana sentiasa memperdebatkan pengukuran yang tepat dan sesuai yang harus digunakan untuk menilai institusi wakaf di Malaysia. Namun, bukanlah tugas yang mudah untuk menentukan, merumuskan/mengungkapkan dan mengukur terutamanya untuk projek dan aktiviti wakaf (Roshayani Arshad & Norzaihan Mohd Zain, 2017). Ini disebabkan kerumitan pengukuran sebagai organisasi bukan keuntungan termasuk institusi wakaf yang memberi tumpuan dan penekanan untuk mencapai misi mereka yang pencapaiannya sukar diukur (Epstein & McFarlan, 2011).

Oleh itu, terdapat keperluan untuk pelaporan wakaf yang lebih komprehensif untuk memastikan maklumat kewangan dan bukan kewangan disampaikan dengan tepat kepada pihak berkepentingan wakaf secara berkesan dan telus (Muhammad Iqmal Hisham Kamaruddin, 2018). Maklumat yang diungkapkan adalah apa yang diinginkan oleh pihak berkepentingan daripada yang ingin diungkapkan oleh *mutawalli* (pengurus wakaf). Untuk kekal relevan dan dipercayai, organisasi bukan berasaskan keuntungan termasuk institusi wakaf perlu mempunyai kemampuan dalam menilai dan mengukur prestasi mereka sendiri (Medina-Borja & Triantis, 2006). Ini disebabkan oleh hubungan positif antara aktiviti pengumpulan dana dengan prestasi dan impak termasuk wakaf (Jamaliah Said et al., 2013; Maliah Sulaiman et al., 2008; Siciliano, 1996).

5. Kepentingan pendedahan pelaporan wakaf

Pendedahan menurut perspektif Islam merupakan salah satu amanah yang menuntut sesebuah organisasi untuk melakukan pengungkapan, sama ada yang bersifat wajib (*mandatory*) mahupun sukarela (*voluntary*). Pendedahan yang bersifat sukarela bergantung kepada sesebuah pengurusan sama ada untuk memasukkan maklumat tambahan atau tidak memasukkan maklumat tersebut dalam sesebuah laporan kewangan (Zhou & Panbunyun, 2008). Sejak beberapa tahun kebelakangan ini, pemulihan institusi wakaf telah menjadi agenda dalam komuniti Islam di seluruh dunia seperti Singapura, Bangladesh dan Afrika Selatan. Selain itu, institusi seperti Bank Pembangunan Islam “*Islamic Development Bank*” (IDB) melalui anak syarikat Institut Penyelidikan dan Latihan Islam “*Islamic Research and Training Institute*” (IRTI) telah menunjukkan minat dan kesedaran dalam menjadikan institusi wakaf sebagai salah satu instrumen untuk membangunkan masyarakat (Cajee, 2008). Berdasarkan kajian lepas, terdapat beberapa situasi yang berkaitan organisasi kebajikan yang menimbulkan keperluan terhadap pelaporan. Ada di antara penulis dan penyelidik yang memberi perhatian kepada perakaunan wakaf, beberapa daripada mereka telah mengambil kira kepentingan laporan dan ketelusan institusi wakaf (Saleem Marsoof, 2004). Situasi ketidaktelusan dalam MAIN telah menyebabkan kegagalan dalam menyakinkan orang ramai (Dalila Daud et al., 2011).

Terdapat banyak kajian yang telah dilakukan oleh para sarjana berkaitan amalan pelaporan wakaf. Antara kajian yang paling meluas adalah menekankan kepada kekurangan laporan dan perakaunan yang betul mengenai amalan wakaf (Abdul Rahim Abdul Rahman et al., 1999; Nori Yani Abu Talib et al., 2018; Sri Wahyu Sakina Ahmad Sanusi & Latifa Bibi Musafar Hameed, 2014; Hidayatul Ihsan & Shahul Hameed Mohamed Ibrahim, 2011; Hidayatul Ihsan & Muhammad Akhyar Adnan, 2009; Che Khalilah Mahmood et al., 2017; Noorhayati Mansor et al., 2017).

Antara kajian paling awal yang dijalankan berkaitan amalan pelaporan wakaf adalah kajian yang dijalankan oleh Abdul Rahim Abdul Rahman et al., (1999) yang mengkaji tentang sistem perakaunan dan pengurusan yang di aplikasi oleh MAIN. Kajian ini, mendapati tiada maklumat yang jelas berkaitan dengan harta wakaf, kurangnya pendedahan dalam pelaporan kewangan serta pengurusan harta wakaf yang tidak seragam. MAIN juga tiada prosedur bertulis untuk merekodkan transaksi kewangan berkaitan wakaf. Kajian ini menyimpulkan bahawa, kekurangan perekodan dalam pengurusan aset disebabkan oleh kurangnya pengawasan oleh pihak berkuasa di Malaysia (Abdul Rahim Abdul Rahman et al., 1999).

Fenomena perbezaan amalan perakaunan di kalangan institusi wakaf MAIN mungkin disebabkan oleh ketiadaan standard perakaunan bagi wakaf (Hidayatul Ihsan & Muhammad Akhyar Adnan, 2009). Abdul Rahim Abdul Rahman et al., (1999) mencadangkan agar MAIN menubuhkan jabatan wakaf yang akan menumpukan kepada pengurusan perakaunan wakaf. Dengan penubuhan ini, amalan perakaunan dan pelaporan serta transaksi kewangan yang berkaitan wakaf dapat diperbaiki dan akan meningkatkan kawalan dalaman dalam pentadbiran serta pengurusan harta wakaf. Siti Rokyah Md Zain (2005) mengembangkan lagi kajian mengenai pendedahan pelaporan kewangan dengan menganalisis laporan kewangan untuk menentukan tahap pendedahan oleh institusi MAIN dengan menggunakan data primer dan sekunder. Soalan soal selidik telah diagihkan kepada responden di MAIN yang secara langsung terlibat dengan pengurusan kewangan wakaf yang terdiri daripada akauntan, eksekutif akauntan, pengawai wakaf dan juga kerani wakaf. Data sekunder juga digunakan dengan menganalisis laporan kewangan MAIN. Didapati, MAIN tidak menyediakan laporan kewangan tahunan tepat pada masa. Ini menunjukkan MAIN mempunyai tahap pendedahan yang rendah dalam laporan kewangan mereka. Tetapi, terdapat juga dalam kalangan institusi-institusi MAIN mempunyai tahap pendedahan yang tinggi mengenai laporan kewangan mereka kerana mereka mempunyai akauntan yang bertauliah untuk menguruskan transaksi kewangan yang berkaitan wakaf. Institusi MAIN ini sentiasa menghasilkan laporan kewangan setiap tahun berbanding dengan institusi MAIN yang mempunyai tahap pendedahan pelaporan kewangan yang rendah (Siti Rokyah Md Zain, 2005).

Selain itu, kekurangan rekod perakaunan yang betul telah dikaitkan dengan ketiadaan standard untuk perakaunan dan pelaporan wakaf (Rosnia Masruki & Zurina Shafii, 2013). Oleh itu, para sarjana baru-baru ini telah menekankan pentingnya mempunyai standard untuk pentadbiran wakaf untuk menyelesaikan masalah kebertanggungjawaban dan ketelusan sesebuah institusi wakaf di Malaysia (Hidayatul Ihsan et al., 2016; Muhammad Akhyar Adnan et al., 2007; Norman Hamdan et al., 2013; Nur Khalidah Dahlan et al., 2014). Pertambahan jumlah wakaf pada masa kini, yang boleh dianggap sebagai sejumlah besar aset wakaf yang dapat dikembangkan dan menyumbang kepada pembangunan sosio-ekonomi telah menyebabkan pentingnya mempunyai standard perakaunan dan pelaporan wakaf yang baik. Terdapat kesedaran yang semakin meningkat mengenai kebertanggungjawaban pemegang amanah dalam menguruskan wakaf dan sebagai institusi yang memberikan perkhidmatan sosial kepada masyarakat. Oleh itu, amalan kebertanggungjawaban ini perlu ditunjukkan kepada pelbagai pihak yang berkepentingan (Hidayatul Ihsan et al., 2016). Usaha telah dilakukan oleh beberapa pihak yang berkaitan untuk mengembangkan standard wakaf untuk semua MAIN di Malaysia. Ini dapat dilihat dari usaha baru-baru ini oleh jabatan umum akauntan Malaysia dengan kerjasama beberapa kumpulan penyelidik universiti di Malaysia untuk menetapkan standard untuk memudahkan pengurusan dan pentadbiran aset wakaf. Sehingga kini, masih terdapat permintaan untuk standard perakaunan dan pelaporan wakaf.

Di samping itu, kebangkitan institusi wakaf mewujudkan keperluan untuk mewujudkan sistem perakaunan yang baik untuk institusi-institusi ini. Ketiadaan garis panduan atau piawaian mengenai perakaunan wakaf menimbulkan minat segelintir penyelidik untuk mencadangkan relevannya perakaunan wakaf agar ketelusan dan kebertanggungjawaban institusi wakaf dapat terjamin. Perakaunan wakaf adalah kaedah yang berguna untuk melaksanakan tanggungjawab *mutawalli* (pemegang amanah) dalam

pentadbiran dan pengurusan wakaf (Rosnia Masruki & Zurina Shafii, 2013). Selain itu, perakaunan dan pelaporan wakaf sangat penting untuk meningkatkan ketelusan dan kebertanggungjawaban institusi wakaf kerana amalan wakaf mempunyai kaitan dengan aset amal yang disalurkan untuk orang ramai. Sehingga kini, tidak ada standard atau garis panduan khusus mengenai perakaunan dan pelaporan wakaf dan tidak ada maklumat terperinci mengenai aset wakaf yang direkodkan. Perbezaan dalam perakaunan dan pelaporan wakaf boleh menimbulkan masalah kekurangan ketelusan, kebertanggungjawaban, kecekapan dan perbandingan seperti yang diketengahkan oleh para sarjana sebelum ini yang menyarankan mengenai pentingnya keperluan kepada standard perakaunan dan pelaporan wakaf (Abdul Rahim Abdul Rahman et al., 1999; Dalila Daud et al., 2011; Hidayatul Ihsan, 2007; Hidayatul Ihsan & Muhammad Akhyar Adnan, 2009; Hidayatul Ihsan & Shahul Hameed Mohamed Ibrahim, 2011; Hisham Yaacob, 2006; Noraini Mohd Nasir et al., 2009; Rosnia Masruki & Zurina Shafii, 2013; Siti Rokyah Md Zain, 2005).

Kesimpulannya, kajian-kajian lampau yang telah dijalankan menunjukkan bahawa sesebuah pelaporan wakaf sangat penting dalam sesebuah institusi wakaf yang menguruskan harta wakaf masyarakat Islam. Namun begitu, kajian lepas kebanyakannya membincangkan mengenai amalan pelaporan wakaf, perakaunan wakaf, akauntabiliti wakaf, pengurusan wakaf dan sistem perakaunan di dalam sesebuah institusi wakaf. Kajian terhadap pendedahan pelaporan kewangan yang berkaitan wakaf amat sedikit dijalankan.

Oleh itu, kajian ini akan menentengahkan dan memfokuskan kepada elemen-elemen pendedahan pelaporan kewangan wakaf yang perlu dititikberatkan untuk diwujudkan dalam sesebuah laporan kewangan wakaf yang diambil daripada *Shari'ah Standard* 33 (SS 33) mengenai wakaf iaitu yang terdiri daripada bentuk-bentuk wakaf, syarat berkaitan wakaf, pengurusan dan pentadbiran harta wakaf, kawalan pajakan harta wakaf, aplikasi bentuk pelaburan dalam pembangunan harta wakaf, penyelenggaraan, pengubahsuaian dan penggantian wakaf dan istibdal aset wakaf. Diharap dengan hasil kajian ini, dapat membantu pihak-pihak tertentu untuk menetapkan standard terhadap perakaunan dan pelaporan wakaf sekaligus dapat meningkatkan kepercayaan masyarakat terhadap institusi wakaf dan memuaskan hati pemegang taruh.

6. Kajian-kajian lampau mengenai amalan pelaporan wakaf di Malaysia

Kajian ke atas amalan pelaporan dan pendedahan wakaf semakin mendapat perhatian oleh para sarjana dari tahun ke tahun. Kajian literatur terdahulu telah memberikan landasan dan sokongan untuk mengkaji objektif artikel ini. Bentuk-bentuk kajian literatur berbeza walaupun kajian-kajian ini dilakukan dalam lingkungan yang sama di samping memberi sokongan kuat untuk menjalankan artikel ini. Jadual 1 di bawah menunjukkan ringkasan beberapa kajian mengenai pelaporan wakaf.

Jadual 1. Kajian-kajian lampau mengenai amalan pelaporan wakaf di Malaysia

Bidang Kajian	Tahun	Tajuk Kajian	Penulis
Ketiadaan piawaian dan garis panduan pelaporan wakaf/kekurangan pelaporan dan rekod perakaunan amalan wakaf yang betul	1999	Current Practices and Administration of Waqf in Malaysia: A Preliminary Article.	Abdul Rahim Abdul Rahman et al.
	2009	Waqf Accounting and The Construction of Accountability	Hidayatul Ihsan & Muhammad Akhyar Adnan
	2011	Waqf Accounting and Management in Indonesian Waqf Institutions: The Cases of Two Waqf Foundations	Hidayatul Ihsan & Shahul Hameed Mohamed Ibrahim
	2011	Waqf Reporting to fullfill stakeholder	Dalila Daud et al.

			attribution in Waqf Islamic councils	
		2013	The Development of Waqf Accounting in enhancing Accountability	Rosnia Masruki & Zurina Shafii
		2014	Conceptual Paper on Qualitative Characteristics: Waqf Accounting in Malaysia.	Sri Wahyu Sakina Ahmad Sanusi & Latifa Bibi Musafar Hameed
		2017	Waqf: A Poverty alleviation Tools in Malaysia.	Che Khalilah Mahmood et al.
		2017	Integrated Waqf Reporting System	Noorhayati Mansor et al.
		2018	An exploratory study of accounting and reporting practice for waqf among State Islamic Religious Councils in Malaysia	Nori Yani Abu Talib et al.
		2020	The Financial Reporting Objective and Stakeholder Identification of Waqf Institutions: An Exploratory Study.	Norman Hamdan
Kritikan terhadap pembangunan system wakaf di Malaysian dan kekurangan pengurusan institusi wakaf dari segi model akauntabiliti		2009	Waqf Accounting and The Construction of Accountability.	Hidayatul Ihsan & Muhammad Akhyar Adnan
		2011	Accountability in the Sacred Context: The Case of Management, Accounting and Reporting of Malaysian Cash Awqaf Institution.	Hairul Suhaimi Nahar & Hisham Yaacob
		2014	Waqf (Endowment) Practice in Malaysian Society.	Nur Khalidah Dahlan et al.
		2018	Determinants of Higher Education Islamic Endowment (Waqf) Attributes Among Muslims in Malaysia.	Hazriah Hasan & Ismail Ahmad
		2018	A Case Article on Waqf Reporting Practices for Governance, Performance and Socio-Economic Impact in Malaysia.	Muhammad Iqmal Hisham Kamaruddin
		2019	Accountability Practices of Waqf Institution in selected states in Malaysia: A Critical Analysis.	Aimi Fadzirul Kamarubahrin et al.
Prestasi institusi wakaf: isu ketidakcekapan terutamanya dalam pengurusan wakaf		2012	Preliminary Findings on Waqf Management Practices among selected Muslim Countries.	Rabitah Harun et al.
		2015	Administration and Management of Waqf Land in Malaysia: Issues and Solutions.	Che Zuina Ismail et al.
		2016	Internal Control Issues in Waqf Management: Insight from the Literature.	Norhanizah Johari et al.
		2017	Developing a Comprehensive Performance Measurement System for Waqf Institutions.	Noordin et al.

2018	The Determinants of Waqf Efficiency in Malaysia.	Nur Azni Mohd Zeni & Noraina Mazuin Sapuan
------	--	--

Berdasarkan jadual tersebut, dapat disimpulkan bahawa kajian mengenai elemen-elemen pelaporan dan pendedahan wakaf mempunyai penulisan yang agak terhad. Kajian-kajian yang telah dijalankan kebanyakannya hanya berkisar mengenai perakaunan wakaf, pengurusan wakaf, ketelusan institusi wakaf dan lain-lain bidang berkaitan wakaf. Penulisan mengenai elemen-elemen pelaporan dan pendedahan wakaf masih kurang dijalankan. Oleh itu, kajian ini mencadangkan sebuah model pelaporan dan pendedahan wakaf yang boleh dijadikan sebagai rujukan dalam membentangkan sesebuah pelaporan dan pendedahan wakaf dalam laporan tahunan bagi sesebuah institusi wakaf.

7. Rumusan dan cadangan

Kajian semasa mendapati bahawa amalan pelaporan dan pendedahan wakaf masih tidak mempunyai piawaian dan garis panduan pelaporan wakaf yang seragam dan terdapat kekurangan dari segi pelaporan dan rekod perakaunan untuk amalan wakaf yang betul. Untuk mengukuhkan dan mengembangkan strategi yang lebih luas dalam memulihkan penggunaan wakaf sebagai platform kewangan sosial Islam, institusi wakaf harus membina dan menetapkan sebuah garis panduan dan kayu ukurnya sendiri dalam mendedahkan sesebuah pelaporan dan pendedahan wakaf. Garis panduan ini dapat merangkumi spesifikasi yang jelas mengenai peranan dan tanggungjawab pemegang amanah (*mutawalli*) dan wakaf. Di samping itu, terdapat kewajiban untuk membina kod tingkah laku agar pemegang amanah (*mutawalli*) bertindak demi kepentingan terbaik bagi penderma wakaf (*waqif*) dan benefisiari. Oleh itu, amalan pelaporan wakaf terbaik dapat diguna pakai dan dilaksanakan oleh semua institusi wakaf di Malaysia sehubungan dengan memastikan penyelarasan standard dan amalan perakaunan dan pelaporan wakaf dapat dicapai dan direalisasikan dengan jayanya. Selain itu, artikel ini telah mencadangkan asas untuk beberapa elemen-elemen pelaporan dan pendedahan wakaf untuk penelitian masa hadapan secara lebih mendalam.

Rujukan

- Abdul Rahim A.R., Mohd Daud B., & Yusof I. (1999). Current practices and administration of waqf in Malaysia: A preliminary study. *Awqaf Report, Malaysia*.
- Ahmad Azrin A., & Wan Mohd Yusof W. C. (2009). Wakaf sebagai instrumen sosial pengekalan hak milik dan perluasan manfaat. *Jurnal Ilmu-Ilmu Sosial*, 10(1): 111–125.
- Ahmad Ibrahim. (1997). *Pentadbiran undang-undang Islam di Malaysia* (Kuala Lumpur: IKIM).
- Aimi Fadzirul K., Abdullah Mohammed A. A., & Khairil Faizal K. (2019). Accountability practices of waqf institution in selected states in Malaysia: A critical analysis. *International Journal of Economics, Management and Accounting*, 27(2): 331–352.
- Aminah M., & Mohammad Tahir S. H. M. (2015). The effectiveness of saham waqf on adequacy of funds for development projects in Malaysia. *International Journal of Real Estate Studies*, 9(2): 16–37.
- Cajee, Z. A. (2008). The revival of waqf in muslim communities: Implementation of the recommendation of the international waqf conference South Africa, Cape Town 2007. *Conference Proceedings, International Conference on Waqf and Islamic Civilization*.
- Che Khalilah M., Nor Haliza H., & Wan Nor Hafidzah W. M. (2017). Waqf: A poverty alleviation tools in Malaysia. *Gading Business and Management Journal*, 20(2): 9–16.
- Che Zuina I., Nor Jana S., & Nor Jawanees A. H. (2015). Administration and management of waqf land in Malaysia: Issues and solutions. *Mediterranean Journal of Social Science*, 6(4): 613–623.

- Dalila D., Rashidah A. R., & Zaluddin S. (2011). Waqf reporting to fulfil stakeholder attribution in Waqf Islamic councils. *Business Management Quarterly Review (BQMR)*, 2(1): 38–53.
- Epstein, M. J., & McFarlan, F. W. (2011). Measuring the efficiency and effectiveness of a nonprofit's performance. *Strategic Finance*, 93(4): 27–35.
- Gaudiosi, M. (1988). Influence of the Islamic law of waqf on the development of the trust in England: The case of Merton College. *University of Pennsylvania Law Review*, 136: 1231–1261.
- Hairul Suhaimi N., & Hisham Y. (2011). Accountability in the sacred context: The case of management, accounting and reporting of a Malaysian cash awqaf institution. *Journal of Islamic Accounting and Business Research*, 2(2): 87–113. <https://doi.org/10.1108/17590811111170520>
- Hazriah H., & Ismail A. (2018). Determinants of higher education Islamic endowment (waqf) attributes among Muslims in Malaysia. *Journal of Islamic, Social, Economics and Development*, 3(12): 1–9.
- Hidayatul I. (2007). An exploratory study of waqf accounting and management in Indonesian waqf institutions: The cases of Dompét Dhuafa and UII waqf foundations. *Unpublished Masters Dissertation, International Islamic University Malaysia, Kuala Lumpur*.
- Hidayatul I., Maliah S., Norhayati M. A., & Muhammad Akhyar A. (2016). Waqf accountability from the stakeholder salience theory: A case study. *Journal of Islamic Monetary Economic and Finance*, 2(1): 1–40.
- Hidayatul I., & Muhammad Akhyar A. (2009). Waqf accounting and the construction of accountability. *Humanomics*, 27: 252–269.
- Hidayatul I., & Shahul Hameed M. I. (2011). Waqf accounting and management in Indonesian waqf institution: The cases of two waqf foundations. *Humanomics*, 27(4): 252–269.
- Hisham Y. (2006). Waqf accounting in Malaysian state Islamic religious institutions: The case of federal territory SIRC. *Unpublished Master's Dissertation, International Islamic University Malaysia, Kuala Lumpur*.
- Imtiaz Ahmad K. (1988). *What is wakf*. Idarah-I-Adabiyat-I-Delli. Jayyed Press, Delhi, India.
- Jamaliah S., Azizah M., Zuraidah M. S., & Sharifah Norzehan S. Y. (2013). Financial management practices in religious organizations: An empirical evidence of mosque in Malaysia. *International Business Research*, 6(7): 111–119. <https://doi.org/10.5539/ibr.v6n7p111>
- Kahf, M. (2007). *Financing the development of waqf property*. Singapore International Waqf Conference. The Fullerton Hotel, Singapore.
- Magda A. M. (2008). *Awqaf: The social and economic empowerment of the ummah* (International Seminar on Awqaf. Johor Bahru.).
- Maliah S., Siti Alawiah S., & Shahul Hameed M. I. (2008). Internal control systems in west Malaysia's state mosques. *American Journal of Islamic Social Sciences*, 25(1): 63–81. <https://doi.org/10.35632/ajiss.v25i1.396>
- McChesney, R. (2014). Waqf in Central Asia: Four hundred years in the history of a Muslim shrine, 1480-1889. *Princeton University Press*, 1182, 6.
- Medina-Borja, A., & Triantis, K. (2006). A conceptual framework to evaluate performance of non-profit social service organisations. *International Journal of Technology Management*, 37(1–2): 147–161.
- Mohamad Akram L., Mek Wok M., & Mohd Fuad M. S. (2012). *Maqasid al-shariah dalam pelaksanaan waqaf*. (Kertas Kerja 1, 1-16, Gombak: IIUM Press.).
- Mohammad Tahir S. H. M., Abdul I., & Ismail O. (2005). *An ideal financial mechanism for the development of waqf properties in Malaysia*.
- Mohd Afandi M. R. (2008). *Pengambilan tanah wakaf oleh pihak berkuasa negeri: Analisis menurut hukum syarak dan aplikasinya di Malaysia*. Tesis, Universiti Putra Malaysia.
- Mohd Afendi M. R., & Asmah A. A. (2010). Waqf management and administration in Malaysia: Its implementation from the perspective of Islamic law. *Malaysian Accounting Review*, 9(2): 115–121.
- Mohd Daud B. (1999). Kedudukan institusi wakaf daripada perspektif undang-undang. In *Seminar Institutsi Wakaf Menuju Era Baru* (Johor: Jabatan Pentadbiran Tanah; Fakulti; Kejuruteraan Dan Sains Geoinformasi; Universiti Teknologi Malaysia).

- Muhammad Akhyar A., Maliah S., & Putri Nor Suad M. M. N. (2007). Some thoughts about accounting conceptual framework and standards for awqaf institutions. *Indonesian Management & Accounting Research*, 6(1): 43–56.
- Muhammad Iqmal H. K. (2018). A case article on waqf reporting practices for governance, performance and socio-economic impact in Malaysia. *International Journal of Management, Accounting and Economics*, 5(9): 694.
- Mustafa M. H., Abdullaah J., Asharaf M. R., Hisham S., Norhaziah N., & Syahidawati S. (2011). *Financing the development of waqf property: The experience of Malaysia and Singapore*. Retrieved February 14, 2012.
- Nasir, J. (1990). *The Islamic law of personal status*. Brill Archive.
- Noordin, N. H., Haron, S. N., & Kassim, S. (2017). Developing a comprehensive performance measurement system for waqf institutions. *International Journal of Social Economics*, 44(7): 921–936.
- Noorhayati M., Amira J., & Asniati B. (2017). Integrated waqf reporting system. *International Journal of Accounting Finance and Business (IJAFB)*, 2(6): 155–166. https://www.researchgate.net/profile/Amira_Jamil2/publication/326548255_Integrated_Waqf_Reporting_System/links/5b54de3eaca27217ffb0dbc3/Integrated-Waqf-Reporting-System.pdf
- Noraini M. N., Radiah O., Jamaliah S., & Erlane G. (2009). Financial reporting practices of charity organisations: A Malaysian evidence. *International Bulletin of Business Administration*, 6: 19–27.
- Norhanizah J., Nazifah M., & Latifa B. M. H. (2016). *Internal control issues in waqf management: insight from the literature. Proceeding of the 3rd International Conference on Management and Muamalah 2016, International Islamic University College Selangor (KUIS), 31 October - 1 November 2016*. KUIS.
- Nori Yani A. T., Radziah A. L., Aini A., & Mohd Rizal P. (2018). An exploratory study of accounting and reporting practice for waqf among State Islamic Religious Councils in Malaysia. *International Journal of Islamic Thought*, 13(1): 90–104. <https://doi.org/10.24035/ijit.06.2018.009>
- Norizan H., Aisyah A. R., & Zaleha Y. (2018). Developing a new framework of waqf management. *International Journal of Academic Article in Business & Social Sciences*, 8(2): 288.
- Norman H. (2020). *The financial reporting objective and stakeholder identification of waqf institutions: An exploratory study*. Thesis, International Islamic University Malaysia.
- Norman H., Asharaf M. R., Abdullah J., & Asmaddy H. (2013). Accounting for waqf institutions: A review on the adaptation of fund accounting in developing the Shariah-Compliant financial reports for mosque. *Presented at World Universities Islamic Philanthropy Conference 2013 (WIPCON 2013), "Transforming Islamic Philanthropy For Ummah Excellence"*.
- Nur Azni M. Z., & Noraina M. S. (2018). The determinants of waqf efficiency in Malaysia. *Global Business and Management Research: An International Journal*, 10(3): 1092-1106.
- Nur Khalidah D., Noor Inayah Y., Mohamad A. H., & Mohd Rizal P. (2014). Waqf (endowment) practice in Malaysian society. *International Journal of Islamic Thought*, 15: 56–61.
- Powers, D. (1993). The Maliki family endowment: Legal norms and social practices. *International Journal of Middle East Studies*, 25: 379–406.
- Rabitah H., Zuraidah M. I., & Norhidayah A. (2012). Preliminary findings on waqf management practices among selected muslim countries. *International Journal of Economics and Financial Issues*, 28(1): 117–127.
- Roshayani A., & Norzaihan M. Z. (2017). Performance measurement and accountability of waqf institutions in Malaysia. *SHS Web of Conferences*, 36: 1-15. EDP Sciences.
- Rosnia M., & Zurina S. (2013). The development of waqf accounting in enhancing accountability. *Middle East Journal of Scientific Research*, 13(SPLISSUE): 1–6. <https://doi.org/10.5829/idosi.mejsr.2013.13.1873>
- Saleem M. (2004). Awqaf experience in Sri Lanka. *Awqaf*, 6(1): 69–88.
- Siciliano, J. I. (1996). The relationship between formal planning and performance in nonprofit organizations. *Nonprofit Management and Leadership*, 7(4): 387–403.
- Siti Mashitoh M. (2011). Law of waqf in Malaysia: Recent developments. in S. M. Kahf, Monzer & Mahmood (Ed.). *Essential Readings in Comtemporay Waqf Issues*, 77–106.
- Siti Mashitoh M.. (2006). Waqf in Malaysia: Legal and administrative perspectives. *Kuala Lumpur, University of Malaya Press*, 39.

- Siti Rokyah M. Z. (2005). *Determinants of financial reporting practices on Waqf by Malaysian's State Islamic Religious Councils* [International Islamic University Malaysia]. <https://lib.iium.edu.my/mom/services/mom/document/getFile/MGMZyvNSWbnYINLCgAeIPGdApRdnb2iY20190215115216432%09>
- Siti Zalikhah M. N. (2008). Pengurusan wakaf negeri-negeri di Malaysia. *Prosiding Konvensyen Kebangsaan Pengurusan Harta Pusaka, Wasiat Dan Wakaf.*, Universiti Kebangsaan Malaysia dan MIADAM.
- Sohaimi M. S, & Syarqawi M. (2008). Waqf development in Malaysia: Issues and challenges. *Jurnal Pengurusan Jawhar*, 2(1): 13–35.
- Sri Wahyu S. A. S., & Latifa Bibi M. H. (2014). Conceptual paper on qualitative characteristics: Waqf accounting in Malaysia. *Proceeding of International Conference on Postgraduate Research (ICPR 2014)*, 1-2 Disember 2014, Kuala Lumpur, Malaysia.
- Wu, M. A. (1991). *Pengenalan kepada sistem perundangan Malaysia*. Kuala Lumpur: Longman Sdn Bhd.
- Zhou, M. M., & Panbunyu, P. (2008). The association between board composition and different types of voluntary disclosure. *Unpublished Thesis*.
- Zulkifli H., & Muhammad Najib A. (2008). The investment of waqf land as an instrument of muslims' economic development in Malaysia. *Dubai International Conference For Endowment's Investment*, Dubai.